

Pameran Islam China-Malaysia Dapat Pupuk Persefahaman - Dr Mahathir Bernama
July **5,** **2014**

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berharap lebih banyak pameran Islam China-Malaysia dianjurkan pada masa akan datang untuk menggalakkan persefahaman yang lebih baik antara penduduk Islam dan bukan Islam.

Bekas perdana menteri itu berkata pameran seumpama itu akan bertindak sebagai pembuka mata kepada rakyat untuk belajar dan menghargai nilai dan budaya masyarakat lain yang berbeza agama.

"Terdapat banyak salah faham antara masyarakat yang berbeza agama. Adalah malang kerana semua agama menyatakan perlunya persahabatan dan persefahaman antara manusia walaupun mempunyai iman dan kepercayaan yang berbeza," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Muhibah dan Berbuka Puasa bersama pemimpin-pemimpin daripada pelbagai agama sempena Ekspo Kebudayaan Islam China-Malaysia 2014 di sini hari ini.

Turut hadir isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup, Duta China di Malaysia, Dr Huang Huikang dan Tan Sri Lee Kim Yew, pengasas Amanah Pendidikan Pelbagai Kebudayaan Cheng Ho.

Dr Mahathir juga menggesa agar semua rakyat Malaysia menghormati serta peka antara satu sama lain kerana ia akan meningkatkan keamanan, keharmonian dan perpaduan dalam negara.

Sambil melahirkan rasa kagum terhadap penduduk Islam di China, beliau berharap umat Islam di Malaysia dapat memastikan pengukuhan nilai-nilai Islam.

"Orang Islam di China hidup dalam peredaran zaman yang berbeza dengan pemerintah yang tidak memahami Islam tetapi Alhamdulillah mereka terus dengan kepercayaan mereka dan tidak membalas dendam terhadap pihak yang menekan mereka," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1051625>